

Bil. S 13

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AKTA SETEM (PINDAAN), 2013**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
  2. Pengenaan.
  3. Pindaan bab 2 dari Penggal 34.
  4. Penggantian bab 3.
  5. Pindaan bab 4.
  6. Pemasukan bab-bab 4A dan 4B baru.
  7. Penggantian bab 31.
  8. Pindaan bab 32.
  9. Pemansuhan bab 37.
  10. Penggantian bab 39.
  11. Penggantian bab 41.
  12. Pemasukan bab 43A baru.
  13. Penggantian bab 44.
  14. Pemasukan bab 44A baru.
  15. Pemansuhan bab 45.
  16. Pemasukan bab-bab 45A dan 45B baru.
  17. Pindaan bab 49.
  18. Pemasukan bab 66A baru.
  19. Pindaan bab 85.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA SETEM (PINDAAN), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Setem (Pindaan), 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb April 2013.

**Pengenaan.**

2. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada setiap instrumen yang boleh dikenakan duti pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini.

**Pindaan bab 2 dari Penggal 34.**

3. Bab 2 dari Akta Setem, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam takrifan “jurubank”, dengan memotong “Akta Perbankan (Penggal 95)” dan menggantikannya dengan “Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006) atau Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008), mengikut mana yang berkenaan”;

(b) dengan memotong takrifan “Ketua Autoriti Hasil” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Ketua Autoriti Hasil” bermakna Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan;”

(c) dengan memotong takrifan “sempurna disetamkan” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “sempurna disetamkan”, sebagaimana yang dikenakan kepada suatu instrumen bermakna —

(a) bahawa instrumen itu mempunyai suatu setem pelekat atau teraan tidak kurang dari amaun yang sepatutnya, dan setem itu telah dilekatkan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini yang berkuatkuasa pada masa itu pada masa pembubuhan setem; atau

(b) bahawa instrumen itu, jika disetamkan dengan menggunakan sistem *E-Stamping*, telah dilampirkan kepadanya suatu perakuan setem yang dikeluarkan bagi instrumen itu oleh Pemungut menurut peruntukan-peruntukan Akta ini yang berkuatkuasa pada masa itu pada masa pembubuhan setem;”;

(d) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “duti” —

“ “sistem *E-Stamping*” bermakna perkhidmatan komputer yang ditubuhkan di bawah bab 4A;”;

(e) dengan memotong takrifan “setem teraan” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “setem teraan” bermakna suatu setem yang diterakan dengan menggunakan dai pada suatu label pelekak oleh pegawai yang berkenaan atau suatu teraan yang dibuat oleh pegawai yang berkenaan dengan apa-apa cara mekanikal yang menunjukkan pembayaran duti dan tarikh teraan itu;”;

(f) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “harta” —

“ “pegawai yang berkenaan” bermakna Pemungut dan pegawai lain sebagaimana yang mungkin diberi kuasa olehnya untuk menera setem atau untuk mengeluarkan perakuan setem;”;

(g) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “resit” —

“ “orang berdaftar” bermakna seseorang yang dibenarkan di bawah bab 4A sebagai pengguna berdaftar sistem *E-Stamping*;”;

(h) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “kapal atau resit cincew” —

“ “perakuan setem” bermakna suatu perakuan yang dikeluarkan secara elektronik berkaitan dengan apa-apa instrumen yang boleh dikenakan duti yang menunjukkan amaun duti yang kena dibayar berkaitan dengan instrumen itu atau bahawa duti yang boleh dikenakan selainnya berkaitan dengan instrumen itu adalah diremitkan;”.

### Penggantian bab 3.

4. Bab 3 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

**“Instrumen yang boleh dikenakan duti.**

3. (1) Tertakluk kepada Akta ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain, setiap instrumen yang disebutkan dalam Jadual Pertama, iaitu suatu instrumen —

(a) yang disempurnakan di Negara Brunei Darussalam, yang dahulunya belum pernah disempurnakan oleh mana-mana orang; atau

(b) yang disempurnakan di luar Negara Brunei Darussalam, dan berkaitan dengan apa-apa harta yang terletak, atau apa-apa perkara atau hal yang dilakukan atau akan dilakukan di Negara Brunei Darussalam, dan diterima di Negara Brunei Darussalam,

boleh dikenakan duti dalam amaun yang dinyatakan dalam Jadual itu sebagai duti yang sepatutnya bagi instrumen itu.

(2) Semua instrumen yang boleh dikenakan duti hendaklah sempurna disetamkan.”.

**Pindaan bab 4.**

5. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan menambah “atau dengan melampirkan kepada instrumen itu suatu perakuan setem berkenaan dengan instrumen itu”.

**Pemasukan bab-bab 4A dan 4B baru.**

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 4 —

**“Sistem *E-Stamping*.**

4A. (1) Pemungut boleh mengadakan atau mengendalikan suatu perkhidmatan komputer yang dikenali sebagai sistem *E-Stamping* yang membolehkan orang berdaftar, menurut penyusunan yang dibuat di bawah bab ini —

(a) untuk mendapatkan suatu taksiran duti setem (dan apa-apa penalti) ke atas suatu instrumen;

(b) untuk membayar duti setem (dan apa-apa penalti) ke atas suatu instrumen melalui pemindahan wang secara elektronik menurut taksiran itu; dan

(c) untuk membubuh setem pada instrumen itu dengan melampirkan suatu perakuan setem kepadanya yang mempunyai

nombor kebenaran yang dikeluarkan bagi instrumen itu dan butir-butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pemungut,

tanpa perlu mengemukakan instrumen itu kepada Pemungut atau pegawai yang berkenaan yang menjaga pejabat setem.

(2) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pemungut untuk mendaftar bagi menggunakan sistem *E-Stamping*.

(3) Pemungut boleh menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah cerai (2) atau membenarkan pendaftaran pemohon tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Kebenaran boleh dipinda pada bila-bila masa dengan persetujuan di antara Pemungut dan orang berdaftar atau dengan notis bertulis yang diberikan oleh Pemungut kepada orang berdaftar.

(5) Kebenaran yang diberikan di bawah cerai (3) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan oleh Pemungut atau sehingga orang berdaftar menyerahkan kebenaran itu.

(6) Pemungut boleh, dengan notis bertulis, membatalkan kebenaran pada bila-bila masa kerana sebarang sebab.

(7) Pemungut boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

(a) menentukan maklumat dan butir-butir yang boleh dihantar secara elektronik di bawah sistem *E-Stamping*, termasuk bentuk dan cara ia akan dihantar;

(b) menentukan prosedur menggunakan sistem *E-Stamping*, termasuk prosedur dalam hal keadaan jika terdapat kerosakan atau gangguan dalam perkhidmatan komputer itu; dan

(c) pada amnya melakukan hal lain bagi penyediaan perkhidmatan komputer itu dengan lebih baik lagi.

**Taksiran dan pembubuhan setem pada instrumen secara elektronik.**

**4B.** (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, pengeluaran, dengan menggunakan sistem *E-Stamping*, suatu perakuan setem bagi suatu instrumen hendaklah mengandungi suatu taksiran duti (dan apa-apa penalti) berkenaan dengan instrumen itu.

(2) Orang berdaftar mestilah, setelah menerima suatu perakuan setem yang dikeluarkan bagi instrumen itu oleh Pemungut, dengan serta-merta melampirkan perakuan setem tersebut kepada instrumen itu.”.

#### **Penggantian bab 31.**

7. Bab 31 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

#### **“Cara memutuskan tentang duti yang sepatutnya.**

31. (1) Jika apa-apa instrumen, sama ada disempurnakan atau tidak dan sama ada dahulunya disetemkan atau tidak, dibawa kepada Pemungut dan orang yang membawanya memohon kepada Pemungut tentang sama ada instrumen itu boleh dikenakan apa-apa duti dan, jika demikian, amaun duti yang boleh dikenakan, Pemungut hendaklah memutuskan dan menaksir duti yang pada pendapatnya, boleh dikenakan ke atas instrumen itu.

(2) Jika orang itu meminta pendapat Pemungut di bawah ceraian (1) tentang amaun duti yang boleh dikenakan, dia hendaklah dalam membuat permohonan bagi keputusan menyatakan nilai yang atasnya pada pendapatnya duti boleh dikenakan.

(3) Orang yang meminta pendapat Pemungut di bawah ceraian (1) tentang amaun duti yang boleh dikenakan hendaklah membuat bayaran keputusan sebanyak \$25 dan bayaran tersebut hendaklah terus kena dibayar walaupun dia kemudiannya menarik balik permohonannya bagi keputusan.

(4) Bagi maksud keputusan di bawah ceraian (1), Pemungut boleh menghendaki mana-mana yang berikut —

(a) suatu ringkasan instrumen itu;

(b) suatu affidavit yang menyatakan semua fakta dan hal keadaan yang menyentuh liabiliti instrumen itu kepada duti atau amaun duti itu;

(c) apa-apa keterangan lain yang dianggapnya perlu bagi keputusan atau penentuan duti;

(5) Pemungut boleh enggan mengambil tindakan selanjutnya atas sebarang permohonan di bawah ceraian (1) sehingga ringkasan dan keterangan tersebut telah diberikan dengan sewajarnya.

(6) Keterangan yang diberikan di bawah bab ini tidak boleh digunakan terhadap mana-mana orang dalam sebarang prosiding sivil, kecuali dalam suatu siasatan tentang duti yang boleh dikenakan ke atas instrumen yang disebut dalam siasatan itu.”.

**Pindaan bab 32.**

**8. Bab 32 dari Akta itu adalah dipinda —**

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Apabila suatu instrumen yang dibawa kepada Pemungut di bawah bab 31 adalah pada pendapatnya jenis instrumen yang boleh dikenakan duti, dan Pemungut memutuskan bahawa instrumen itu telah pun disetemkan sepenuhnya, atau duti yang ditaksir oleh Pemungut di bawah bab 31, atau suatu jumlah wang yang, dengan duti yang telah pun dibayar berkaitan dengan instrumen itu, bersamaan dengan duti yang ditaksir itu, telah dibayar, Pemungut hendaklah memperakui dengan —

(a) pengendorsan di dalam instrumen tersebut; atau

(b) mengeluarkan dan melampirkan kepada instrumen itu suatu perakuan keputusan,

yang menyatakan bahawa duti penuh (dengan menyatakan amaunnya) yang boleh dikenakan ke atas instrumen itu, telah dibayar.”;

(b) dengan memansuhkan cerai (3) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(3) Apa-apa instrumen —

(a) yang ke atasnya suatu pengendorsan telah dibuat; atau

(b) yang berkaitan dengannya dan yang kepadanya suatu perakuan keputusan telah dikeluarkan dan dilampirkan,

di bawah bab ini, hendaklah dianggap sebagai sempurna disetemkan atau tidak boleh dikenakan duti, mengikut mana yang berkenaan; dan, jika boleh dikenakan duti, boleh diterima sebagai keterangan ataupun selainnya dan boleh diambil tindakan dan didaftarkan seolah-olah instrumen itu telah sempurna disetemkan pada asalnya;

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh membenarkan Pemungut untuk mengendors —

(a) apa-apa instrumen yang disempurnakan atau mula disempurnakan di Negara Brunei Darussalam dan dibawa kepadanya selepas tamat tempoh 14 hari dari tarikh ia disempurnakan atau mula disempurnakan, mengikut mana yang berkenaan;

(b) apa-apa instrumen yang disempurnakan atau mula disempurnakan di luar Negara Brunei Darussalam dan dibawa kepadanya selepas tamat tempoh 30 hari selepas instrumen itu mula diterima di Negara Brunei Darussalam; atau

(c) apa-apa instrumen yang boleh dikenakan duti 4 sen atau apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang, apabila dibawa kepadanya, selepas penyediaan atau penyempurnaannya, di atas kertas yang tidak sempurna disetamkan,

melainkan jika dia berpuashati bahawa peninggalan atau kelalaian untuk membubuh setem atau untuk membubuh setem dengan secukupnya tidak timbul daripada apa-apa niat untuk mengelakkan pembayaran duti atau pun selainnya untuk menipu.”.

**Pemansuhan bab 37.**

9. Bab 37 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

**Penggantian bab 39.**

10. Bab 39 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikannya dengan bab baru yang berikut —

**“Pembubuhan setem pada instrumen selepas penyempurnaan.**

39. (1) Kecuali jika peruntukan nyata yang lain dibuat oleh Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, apa-apa instrumen tanpa setem atau instrumen yang tidak cukup disetamkan boleh disetamkan selepas ia mula disempurnakan, tertakluk kepada yang berikut —

(a) jika instrumen yang disediakan atau dibuat di dalam Negara Brunei Darussalam disetamkan dalam masa 14 hari selepas ia telah mula disempurnakan di Negara Brunei Darussalam atau, jika mula disempurnakan di luar Negara Brunei Darussalam, dalam masa 30 hari selepas ia telah mula diterima di Negara Brunei Darussalam, atas pembayaran duti sahaja;

(b) apabila instrumen itu disetamkan dalam masa 3 bulan selepas penyempurnaan atau penerimaan yang disebutkan dalam perenggan (a), atas pembayaran selain duti suatu penalti sebanyak \$10 atau amaun duti yang kurang, mengikut mana penalti yang lebih besar;

(c) apabila instrumen itu tidak disetamkan dalam masa 3 bulan selepas penyempurnaan atau penerimaan yang disebutkan dalam perenggan (a), atas pembayaran selain duti suatu penalti sebanyak \$25

atau 4 kali amaun duti yang kurang, mengikut mana penalti yang lebih besar.

(2) Pemungut boleh, dalam masa 6 bulan selepas penyempurnaan apa-apa instrumen atau selepas ia mula diterima di Negara Brunei Darussalam mengurangkan atau meremit apa-apa penalti.

**Penggantian bab 41.**

11. Bab 41 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

**“Menunjukkan penalti.**

41. Pembayaran apa-apa penalti yang ditetapkan di bawah bab 39 hendaklah ditunjukkan —

(a) dalam instrumen yang berkenaan dengan setem teraan dan perakuan oleh Pemungut;

(b) dengan resit yang dikeluarkan oleh Pemungut; atau

(c) dengan notasi dalam perakuan setem berkenaan dengan instrumen itu.”.

**Pemasukan bab 43A baru.**

12. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 43 —

**“Pemeriksaan dan penahanan instrumen.**

43A. (1) Mana-mana orang yang mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau dengan persetujuan pihak-pihak untuk menerima keterangan, dan mana-mana orang yang menjaga sebuah pejabat awam, kecuali seseorang pegawai polis, yang di hadapannya apa-apa instrumen, yang pada pendapatnya boleh dikenakan duti, dikemukakan atau sampai bagi melaksanakan tugas-tugasnya hendaklah, jika didapatinya bahawa instrumen itu tidak sempurna disetamkan, menahannya.

(2) Bagi maksud cerai (1), mana-mana orang itu hendaklah memeriksa setiap instrumen yang boleh dikenakan duti dan setiap instrumen yang dikemukakan atau sampai di hadapannya bagi memastikan sama ada ia disetamkan dengan suatu setem mengikut nilai dan perihalan yang dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam apabila instrumen itu disempurnakan atau mula disempurnakan.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dianggap sebagai menghendaki mana-mana Majistret atau Hakim untuk memeriksa atau menahan, jika dia tidak memikirkan patut berbuat demikian, apa-apa instrumen yang sampai di hadapannya semasa menjalankan sebarang prosiding jenayah.

(4) Dalam hal seorang Hakim Mahkamah Besar, kewajipan memeriksa dan menahan apa-apa instrumen di bawah bab ini hendaklah dilaksanakan oleh Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Mahkamah itu.”.

#### **Penggantian bab 44.**

13. Bab 44 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

**“Instrumen yang tidak sempurna disetamkan tidak boleh diterima sebagai keterangan.**

44. (1) Tertakluk kepada bab ini, apa-apa instrumen yang boleh dikenakan duti tidak boleh diterima sebagai keterangan bagi sebarang tujuan oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau dengan persetujuan pihak-pihak untuk menerima keterangan, atau tidak boleh diambil tindakan, didaftarkan atau disahkan oleh mana-mana orang itu atau oleh mana-mana pegawai kerajaan, melainkan jika instrumen itu sempurna disetamkan.

(2) Apa-apa instrumen yang disebut dalam ceraian (1) hendaklah, tertakluk kepada semua pengecualian yang adil, diterima sebagai keterangan mengenai pembayaran duti dan penalti, jika ada, yang boleh dikenakan berkaitan dengannya di bawah bab 39.

(3) Apabila sebarang jenis kontrak atau perjanjian dibuat melalui surat-menyurat yang mengandungi 2 pucuk surat atau lebih dan mana-mana satu dari surat-surat itu mempunyai setem yang betul, maka kontrak atau perjanjian itu hendaklah dianggap sebagai sempurna disetamkan.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang penerimaan apa-apa instrumen sebagai keterangan —

(a) dalam mana-mana mahkamah jenayah; atau

(b) dalam mana-mana mahkamah apabila instrumen itu telah disempurnakan oleh atau bagi pihak Kerajaan, atau mana-mana kerajaan negara atau wilayah lain, atau jika ia mempunyai perakuan Pemungut sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini.”.

**Pemasukan bab 44A baru.**

14. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 44 —

**“Bagaimana mengendalikan instrumen yang ditahan.**

44A. (1) Apabila orang yang menahan suatu instrumen di bawah bab 43A mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau dengan persetujuan pihak-pihak untuk menerima keterangan dan menerima instrumen itu sebagai keterangan atas pembayaran duti dan penalti, jika ada, dia hendaklah, dengan secepat mungkin yang sesuai, menghantar instrumen itu, berserta dengan amaun duti dan penalti, jika ada, yang dibayar berkaitan dengannya, kepada Pemungut.

(2) Pemungut hendaklah membubuh setem pada instrumen itu menurut bab 39 dan hendaklah mengembalikannya kepada orang yang menghantar instrumen itu kepadanya.

(3) Dalam setiap hal lain di mana suatu instrumen ditahan di bawah bab 43A, orang yang menahan instrumen itu hendaklah menghantarnya dengan segera kepada Pemungut.

(4) Pemungut, atas pembayaran duti dan penalti, jika ada, yang boleh dikenakan berkaitan dengannya di bawah bab 39, hendaklah membubuh setem pada instrumen itu dan hendaklah mengembalikannya kepada orang yang menghantar instrumen itu kepadanya, tetapi jika duti dan penalti itu, jika ada, tidak dibayar, dia hendaklah menahan instrumen itu.”.

**Pemansuhan bab 45.**

15. Bab 45 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

**Pemasukan bab-bab 45A dan 45B baru.**

16. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 45 —

**“Mendapatkan balik duti dan penalti.**

45A. (1) Apabila apa-apa duti atau penalti telah dibayar berkaitan dengan apa-apa instrumen oleh mana-mana orang, dan dengan persetujuan atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa pada masa apabila instrumen itu disempurnakan atau mula disempurnakan orang lain adalah bertanggung untuk membayar duti ke atas instrumen itu, maka orang yang mula

disebutkan adalah berhak untuk mendapatkan balik daripada orang lain itu amaun duti atau penalti yang dibayar itu.

(2) Bagi maksud untuk mendapatkan balik yang disebut dalam ceraian (1), apa-apa perakuan yang diberikan berkaitan dengan instrumen itu oleh Pemungut adalah keterangan muktamad tentang amaun duti dan penalti yang dibayar dan orang yang membayarnya.

**Liabiliti mana-mana orang untuk membayar amaun penuh duti atau penalti tidak terjejas oleh taksiran yang salah.**

45B. Liabiliti mana-mana orang untuk membayar amaun penuh duti atau penalti yang kena dibayar ke atas apa-apa instrumen tidaklah terjejas oleh apa-apa taksiran duti atau penalti itu yang salah atau kurang atau kegagalan untuk menaksir duti atau penalti itu oleh Pemungut, dan amaun yang betul bagi duti atau penalti yang kena dibayar ke atas instrumen itu boleh didapatkan balik oleh Pemungut.”.

#### **Pindaan bab 49.**

17. Bab 49 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “Tertakluk” dalam baris pertama;

(b) dengan menambah ceraian baru yang berikut —

“(2) Dalam bab ini dan bab 50, “setem” termasuk suatu perakuan setem.”.

#### **Pemasukan bab 66A baru.**

18. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 66 —

**“Penalti berkenaan dengan perakuan setem dll.**

**66A. Mana-mana orang yang —**

(a) menjual atau menawarkan untuk jualan suatu perakuan setem atau perakuan keputusan;

(b) dengan tipuan melampirkan suatu perakuan setem atau perakuan keputusan pada suatu instrumen selain dari instrumen yang baginya perakuan setem atau perakuan keputusan itu dikeluarkan;

(c) dengan tipuan menceraikan suatu perakuan setem atau perakuan keputusan atau dengan tipuan menyebabkan suatu perakuan setem atau perakuan keputusan diceraikan dari suatu instrumen;

(d) melancarkan, atau dengan mengetahui melakukan mana-mana bahagian proses untuk melancarkan, apa-apa perakuan setem atau perakuan keputusan yang dikeluarkan oleh Pemungut;

(e) menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa perakuan yang diketahuinya atau sepatutnya diketahuinya dengan munasabah sebagai perakuan setem lancung atau perakuan keputusan lancung yang dikeluarkan oleh Pemungut;

(f) ada dalam milikannya apa-apa perakuan yang diketahuinya sebagai perakuan setem lancung atau perakuan keputusan lancung, dengan maksud untuk menggunakannya atau melepaskannya sebagai perakuan setem atau perakuan keputusan yang benar, atau untuk membolehkan supaya ia digunakan sebagai perakuan setem atau perakuan keputusan yang benar; atau

(g) menggunakan sebagai suatu perakuan setem atau perakuan keputusan yang benar, dengan mengetahuinya sebagai perakuan setem lancung atau perakuan keputusan lancung,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.”.

**Pindaan bab 85.**

19. Bab 85 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis ‘Mesyuarat boleh” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,”.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 6 haribulan Mac, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM